



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**FACULTY OF SOCIAL SCIENCES
AND
HUMANITIES**

UHS 1022 (FALSAFAH DAN ISU SEMASA) SEKSYEN 73

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN BERKUMPULAN

PENCEMARAN SUNGAI DI SELANGOR

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. Hafiy Hakimi bin Saiful Redzuan	A20EC0040
2. Amna Batrishah binti Sham Shol Aripin	B20EC0007
3. Madiah binti Che Zabri	A20EC0074
4. Qaisara binti Rohzan	A20EC0133

NAMA PENSYARAH:

ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	2
Lokasi Kajian	3
Objektif Kajian	4
Rasional Kajian	5
Kepentingan Kajian	6
Permasalahan Kajian	6
Cadangan Mengatasi Permasalahan	7
Kesimpulan	8

1. Pengenalan

Pencemaran sungai ialah sebarang perubahan yang berlaku kepada sungai dari segi fizikalnya seperti warna dan kandungannya seperti bahan-bahan kimia akibat dari perbuatan manusia itu sendiri. Isu ini bukanlah sesuatu isu yang baru lagi dan hangat diperkatakan di negara kita. Apabila berlakunya pencemaran ini, maka ia akan turut menjejaskan sumber makanan dan air, kesihatan, aktiviti ekonomi dan kegiatan seharian manusia. Sungai yang bersih juga akan menjejaskan pendapatan negara yang diperoleh melalui aktiviti pelancongan. Impak yang terbesar ialah gangguan bekalan air bersih kepada masyarakat di kawasan bandar. Sebagai contoh, negeri Selangor telah mengalami masalah pencemaran air yang menjejaskan kelangsungan air bersih di negeri Selangor baru-baru ini. Hal ini berpunca dari segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan ingin mengambil jalan mudah tanpa menghiraukan kesan kepada keadaan sekeliling. Akibat daripada perbuatan tersebut telah merugikan semua pihak samada rakyat mahupun kerajaan. Kerajaan terpaksa memberi ganjaran RM5000 kepada saksi yang melaporkan pelakunya dan memberikan air percuma serta mengeluarkan perbelanjaan lebih besar bagi menguruskan air mentah untuk dirawat, mencari sumber air alternatif seperti air bawah tanah, air laut disuling atau air hujan. Rakyat di negeri Selangor juga terpaksa meneruskan kehidupan mereka dengan air yang tidak mencukupi. Kerajaan pula terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih besar bagi menguruskan air mentah untuk dirawat, mencari sumber air alternatif seperti air bawah tanah, air laut disuling atau air hujan. Oleh yang demikian, semua pihak perlu bertanggungjawab dalam memastikan keadaan sungai yang sentiasa bersih kerana mencegah lebih baik daripada merawat.

2. Lokasi Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di negara Malaysia dan secara lebih terperinci, di negeri Selangor. Hal ini demikian kerana terdapat banyak permasalahan berkaitan dengan pencemaran di sungai - sungai utama di negeri ini. Perkara ini telah mengakibatkan banyak kesan sampingan terutama kepada pengguna pengguna sumber air bersih di Selangor. Antara sungai - sungai yang dijadikan lokasi kajian adalah Sungai Selangor, Sungai Gong dan Sungai Semenyih. Lokasi - lokasi ini telah tercemar dengan kumulatif sebanyak enam kali pada tahun 2020 sahaja.

Dengan memilih lokasi kajian yang sangat spesifik seperti ini, dengan harapan yang tinggi masalah ini akan dapat disiasat punca - punca pencemaran ini berlaku dan sejurus itu langkah - langkah pencegahan dan pemulihan akan dapat dijalankan bagi memulihkan keadaan sungai - sungai tersebut. Selain itu, dengan memilih lokasi kajian yang disebutkan, kaedah - kaedah yang bernas akan dapat dirancang bagi mengelakkan daripada masalah ini berulang lagi di masa yang akan datang kepada generasi masa hadapan.

3. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa sebab yang tertentu. Secara amnya, ia dilakukan supaya permasalahan yang telah lama dihadapi di negeri ini, tidak akan berlaku lagi dan mampu dicegah. Dengan adanya usaha usaha seperti ini, ia membolehkan pihak pihak berwajib untuk mengambil tindakan dan menjaga kebajikan warga negeri yang terlibat. Antara objektif yang utama adalah:

1. Merungkai punca - punca utama yang menyebabkan masalah pencemaran di sungai - sungai besar negeri Selangor.
2. Mencari penyelesaian seluruh permasalahan ini supaya keperluan asas rakyat mampu diberikan secara tidak terhad.
3. Mengkaji langkah - langkah bagi mengelakkan masalah pencemaran ini daripada berulang lagi pada masa hadapan.

4. Rasional Kajian

Rasional kajian adalah antara perkara yang penting dalam membuat sebuah kajian tentang sesuatu perkara. Kajian ini dipilih kerana dapat memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan sungai, khususnya kepada alam sekitar dan tidak lupa juga kepada masyarakat setempat. Malah ia dapat mempengaruhi aspek-aspek lain seperti kerjaya dan peribadi pengkaji. Ianya dapat dilihat menerusi pengkaji lebih cenderung atau peka terhadap isu-isu semasa melibatkan sungai atau pun perihal lain lain berkaitan alam sekitar. Ini bermaksud bahawasanya pengkaji dapat memupuk sifat cintai alam dan juga peka terhadap perkara-perkara yang perlu dititik beratkan dalam rutin harian. Dari aspek institusi, masyarakat dan negara pula, masyarakat perlu ambil kerana sekiranya berlaku pencemaran sungai, ini akan membebankan mereka kerana ini adalah salah satu sumber utama mereka didalam rutin seharian. Ini juga akan mencerminkan negara kita di bahagian kebersihan negara di tahap internasional. Di aspek sistem politik, sosial, budaya, ekonomi dan pendidikan pula, ianya amat penting kerana kepentingan sungai ini banyak juga mempengaruhi sistem politik. Sekiranya ahli politik tidak mengambil berat tentang perkara ini akan menyebabkan rakyat Selangor rasa ditindas dan diibaratkan mereka tidak penting didalam negeri mereka sendiri.

Berdasarkan rasional kajian yang diberi berikut, terdapat juga kesan-kesan yang mungkin boleh terjadi sekiranya kita memandang enteng terhadap kajian ini. Mereka tidak akan menyedari bahawa perkara ini berlaku didalam negeri mereka sendiri. Selain itu, mereka juga akan merasakan bahawa sungai, antara satu kurniaan yang terbesar yang telah diberikan oleh Allah S.W.T, tidak penting untuk kita menjaganya.

5. Kepentingan Kajian

Kajian ini dipilih kerana dapat memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan sungai, khususnya kepada alam sekitar dan tidak lupa juga kepada masyarakat setempat. Pencemaran sungai ini harus disedar oleh masyarakat sekeliling kerana ia merupakan salah satu sumber penting didalam kehidupan seharian kita semua. Selain itu, kajian ini juga dapat memupuk dan menyemai sifat cintakan alam sekitar dalam diri setiap masyarakat majmuk akan kepentingan sungai yang bersih. Di samping itu, sungai, merupakan nadi alam yang memberikan seribu satu manfaat kepada flora dan faunanya, malah kepada manusia yang turut menggunakan sungai bagi menjalani kehidupan seharian, khususnya penduduk di negeri Selangor, yang bergantung kepada sungai sebagai sumber air bersih mereka. Penggunaan air bersih daripada sungai termasuklah dari membersihkan diri ke pakaian, memasak dan lain lain merupakan salah satu aspek penting yang perlu dititik beratkan oleh masyarakat untuk menjaga dan peka terhadap kebersihan sungai dan tidak memandang enteng dan remeh sama sekali.

6. Permasalahan Kajian

Isu yang hendak diketengahkan dalam kajian ini adalah isu pencemaran air, terutamanya di sungai-sungai yang menjadi punca pendapatan air bagi warga negeri Selangor. Semenjak Covid-19 melanda negara kita, negeri Selangor kerap menghadapi krisis ketiadaan air domestik. Perkara ini semestinya menjadikan kehidupan rakyat lebih susah. Isu ini seharusnya mendapat perhatian yang wajar kerana ia telah mengganggu kebajikan rakyat sejagat dan juga ekonomi tempatan. Sekiranya perbuatan mencemarkan air ini terus berleluasa, kesannya akan membawa impak yang dahsyat kepada kedua-dua rakyat dan juga kerajaan negara Malaysia. Dalam era globalisasi ini, isu pencemaran air ini seharusnya dibanteras dengan sebaik-baiknya kerana ia berkait rapat dengan penggunaan air sebagai keperluan asas kehidupan.

7. Cadangan Mengatasi Permasalahan

Isu pencemaran air sudahpun menjadi isu lazim yang sering dihadapi oleh warga negeri Selangor. Hal ini demikian kerana, terdapat segelintir pengusaha kilang yang tidak menghiraukan tentang kelestarian alam sekitar dengan bertindak untuk membuang sisa kimia di sungai-sungai yang terletak berdekatan dengan kilang perusahaan mereka. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang mampu dilaksanakan untuk membendung aktiviti yang tidak beretika ini.

Pertama sekali, pihak kerajaan Malaysia seharusnya mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pelaku jenayah pencemaran air di negara ini. Denda yang patut dikenakan kepada pesalah adalah menanggung kos pembersihan pencemaran, membayar kos ganti rugi pencemaran dan membayar kos mereka yang sedang dirawat di hospital akibat pendedahan bahan kimia yang berlebihan. Hal ini kerana, kos denda yang dikenakan kepada pesalah sekarang adalah terlampau sedikit jika dibandingkan dengan kos kerugian sebenar.

Selain itu, pihak kerajaan sewajarnya berganding bahu dengan pertubuhan bukan kerajaan untuk menciptakan mekanisme yang mampu membanteras gejala pencemaran air ini. Mekanisme tersebut seharusnya mempunyai ciri-ciri yang penting seperti mengesan jenis sisa kimia, memberi notis awal untuk kerja-kerja pemulihan kualiti air dan sebagainya.

8. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sungai merupakan tanggungjawab bersama. Tanggungjawab untuk menjaga dan melestarikan sungai perlu digalas oleh semua pihak. Setiap rakyat perlulah lebih cakna dan tidak mengambil mudah akan permasalahan yang menyebabkan pencemaran sungai. Pihak berautoriti diharapkan dapat memainkan peranan masing-masing dan mengambil langkah yang proaktif bagi melestarikan sungai di negara ini. Hal ini supaya kita dapat menangani kes pencemaran sungai dengan kadar segera supaya generasi pada masa hadapan dapat merasai dan menikmati keindahan sungai yang diwarisi daripada kita tanpa sebarang pencemaran. Kesimpulannya, sebagai manusia yang mempunyai etika, kita tidak sepatutnya mementingkan diri sendiri sebaliknya kita perlu bersatu padu menyokong segala aktiviti yang dijalankan oleh pihak berautoriti bagi memastikan harapan dan impian negara dapat dicapai.

Rujukan

- SINAR, S. (2020). *Rakyat sengsara gangguan air kali ketujuh*. [online] Sinarharian. Available at:
<https://www.sinarharian.com.my/article/109609/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Rakyat-seng-sara-gangguan-air-kali-ketujuh> [Accessed 11 Nov. 2020].
- Bahaudin, N.H. (2020). Pencemaran Sungai Selangor: 4 direman 7 hari [METROTV]. [online] HM Online. Available at:
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/640492/pencemaran-sungai-selangor-4-direman-7-hari-metrotv>.
- Sinarharian. (2020). *Pencemaran air: Ganjaran RM5,000 kepada pemberi maklumat*. [online] Sinarharian. Available at:
<https://www.sinarharian.com.my/article/109619/BERITA/Nasional/Pencemaran-air-Ganjaran-RM5000-kepada-pemberi-maklumat>.